261

**SOALAN NO: 173**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **BUKAN LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]** |
| **RUJUKAN** | : | **BL1 [PR-1353-T01313]** |
| **SOALAN** | : | |

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-

a) analisa kos dan faedah dalam melaksanakan Kuala Lumpur Bebas Penjaja 2020; dan

b) berapakah kawasan perniagaan baharu yang bakal dibina untuk menempatkan penjaja Kuala Lumpur yang terkesan dengan dasar baharu DBKL, khususnya di kawasan Lembah Pantai .

262

**RT11/172**

## JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan masih meneruskan rancangan untuk mengubah kedudukan Institut Pendidikan Guru (IPG) Kota Bahru kepada Kolej Vokasional.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mula melaksanakan pertukaran fungsi semua sembilan (9) Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) sebagaimana yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri termasuk IPG Kampus Kota Bharu yang akan menjadi Kolej Vokasional (KV). Pelaksanaan pertukaran fungsi ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2017, iaitu dua (2) institusi akan wujud secara bersama-sama (*coexist*) sehingga tahun 2020 di mana pertukaran fungsi menjadi institusi TVET sepenuhnya.

Gombak dan Pelabuhan Klang, yang jarak keseluruhannya akan merangkumi sejauh 688km. Projek ini dilaksanakan dan diuruskan oleh Syarikat Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan DiPerbadankan (MKD).

MRL memperoleh kelulusan muktamad Skim Kereta Api dari Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada 23 Jun lalu dan kelulusan laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) dari Jabatan Alam Sekitar pada 20 Jun 2017. Sehubungan itu, proses pengambilan tanah bagi Fasa Pertama dapat dilaksanakan pada tahun yang sama bagi membolehkan kerja-kerja pembinaan projek dapat dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Fasa Kedua, pada September 2017 yang lalu, MRL telah mengemukakan Skim Kereta Api kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan bakal menjalankan Sesi Pemeriksaan Awam (*Public Inspection*) dalam masa yang terdekat setelah mendapat kelulusan bersyarat.